

Dr M bidas pihak tidak faham kedaulatan negara

BH 13 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas golongan yang nampaknya berpendapat kedaulatan undang-undang hanya dapat ditegakkan jika anggota kerajaan, dan bukannya pembangkang, didakwa di mahkamah serta dikenakan hukuman penjara.

Perdana Menteri berkata, hakikatnya ialah mereka yang bercakap mengenai kedaulatan undang-undang sebenarnya tidak faham mengenai-nya.

“Bagi mereka, rule of law (kedaulatan undang-undang) berjalan kalau menteri ditangkap, dimasukkan ke penjara. Tapi kalau orang mereka dituduh, ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah, itu bukan the rule of law, lebih-lebih lagi jika didapati bersalah.

“Parti lawan punya orang tak boleh bersalah tapi parti kerajaan mesti bersalah,” katanya kepada pemberita setelah tiba di Lapangan Terbang

Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas mengakhiri lawatan ke Britain dan Bosnia-Herzegovina.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merujuk kepada demonstrasi kecil kumpulan pejuang hak asasi manusia Amnesty International sewaktu beliau berada di Britain, bertujuan meminta beliau membebaskan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dari penjara.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana rasuah, dan diikuti sembilan tahun lagi kerana meliwat.

Perdana Menteri berkata, penjelasan telah dibuat bahawa beliau tidak mempunyai kuasa menahan atau membebaskan orang.

“Amalan undang-undang di Malaysia ialah siapa saja yang melanggar undang-undang akan dihadapkan ke mahkamah dan dihukum jika bersalah.

“Dan apabila hukuman jatuh, bukan Perdana Menteri yang boleh batalkan hukuman itu. Kita tak ada kuasa,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, sambutan pelajar Malaysia di Manchester dan Cambridge

terhadap kunjungannya ke kedua-dua bandar itu adalah baik.

“Walaupun ada pelajar Pakistan ketika sembahyang Jumaat meminta pelajar Malaysia supaya jangan hadir dalam perjumpaan di Univer-

sity of Manchester Institute of Science and Technology, tapi semuanya hadir *full-house*,” katanya.

Di Cambridge, kata Dr Mahathir, soalan yang dikemukakan nampaknya lebih banyak yang pro pembangkang.